

KKS antara terbaik

Bidang kemahiran mula jadi pilihan



Engr Doud Mahmoud Ali Khlefat (duduk, tiga kanan) bersama kakitangan KKS pada lawatan sehari beliau ke institut kemahiran berkenaan, semalam.

SEGAMAT - Kolej Komuniti Segamat (KKS) antara institut kemahiran terbaik dalam kalangan kolej komuniti di seluruh negara ini menerima lawatan kerja sehari Penolong Ketua Pengarah Vocational Training Corporation (VTC) Jordan, semalam.

Pengarah Kolej Komuniti Segamat, Nordin Sariju berkata, pihaknya sentiasa mengalu-alukan kedatangan pihak luar terutamanya dari institut kemahiran lain untuk saling bertukar pendapat ketika lawatan mereka, di sini.

Menurutnya, kedatangan Engr Doud Mahmoud Ali Khlefat ini diiringi dua pegawai dari Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) iaitu Pemangku Dekan UTHM, Dr Razali Hassan dan Pensyarah UTHM, Noorazman Abd Samad.

“Sepanjang lawatan sehari ini beliau dibawa melawat ke bengkel penyelenggaraan mekanikal, bengkel kimpalan, makmal pemasangan elektrik 2, galeri lamani dan bengkel kemahiran lain yang ada di KKS ini.

“Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi maklumat, idea dan pengalaman antara ketiga-tiga institusi pengajian tinggi dalam meningkat-

kan mutu dan kualiti pengajian teknikal untuk diaplikasikan di institut masing-masing,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Nordin berkata, pihaknya yakin masih ada banyak perkara baru yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan lagi mutu dan hasil kerja pelajar yang sekali gus mampu menaikkan nama institut kemahiran di negara ini.

Jelasnya, dia melihat bidang kemahiran kini sudah mempunyai tempat bagi pilihan pelajar terutamanya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

“Peningkatan ini sedikit sebanyak menjamin peningkatan ekonomi negara setelah mereka mengisi ruang kekosongan tenaga kerja dalam sektor kemahiran yang sebelum ini lebih bergantung kepada pekerja luar.

“Ini percambahan yang baik terutama bagi golongan muda yang mengikuti bidang kemahiran sebagai bidang utama dan menjadikan ia sumber pendapatan melalui kemahiran diperolehi, secara teori dan praktikal di sini,” katanya.